

15/05/2000

Saranan pemimpin turun padang disambut baik

KUALA LUMPUR, Ahad - Langkah turun padang dan berdamping rapat dengan rakyat terutama golongan penentang kerajaan disifatkan kaedah terbaik untuk mendapat sokongan padu kepada Umno, parti tunjang dalam Barisan Nasional (BN).

Sehubungan itu, ahli dan pemimpin Umno bersetuju dengan saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mereka turun ke padang memperhebatkan program tarbiyah menjelaskan perjuangan Umno untuk kefahaman sebenar rakyat terutama di kalangan penentang parti dan kerajaan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, usaha mendekatkan pemimpin Umno dengan anggota di peringkat akar umbi akan dapat memperkukuhkan parti.

Katanya, langkah Perdana Menteri dan Presiden Umno itu berkunjung ke negeri-negeri bagi mendengar masalah parti akan mendorong pemimpin lain untuk berbuat demikian.

"Kalau langkah ini sebagai ubat, ia adalah penawar yang mujarab bagi mendekatkan pemimpin dengan anggota Umno," katanya kepada Bernama hari ini.

Dalam ucapan penggulungannya pada Perhimpunan Agung Umno ke 54 semalam, Dr Mahathir berkata, amat penting sekali pemimpin parti turun ke bawah untuk berjumpa bukan saja anggota Umno biasa tetapi juga dengan orang ramai.

Muhammad berkata, walaupun kerajaan telah membawa banyak pembangunan, pemimpin Umno masih perlu bertemu anggota di peringkat bawah untuk menerangkan agenda pembangunan negara ini.

"Dengan adanya eye to eye contact ia akan membawa kesan responsif rakyat terhadap usaha-usaha kerajaan," kata bekas Menteri Besar Selangor itu.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam turut menyambut baik saranan Dr Mahathir agar pemimpin parti lebih mendekatkan diri dengan anggota Umno yang lain.

Beliau yang mendapat undi tertinggi dalam perebutan kerusi Majlis Tertinggi (MT) Umno Khamis lalu berkata, langkah itu pasti membolehkan pemimpin memahami kehendak akar umbi.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali berkata, beliau dan barisan pimpinannya sudah memperkenalkan konsep turun padang, akhir tahun lalu.

Katanya, kerajaan negeri terutama melalui jentera Umno akan terus berusaha mendampingi rakyat, termasuk bercadang mengatur pertemuan dengan pelajar Perak di luar negara bagi memberi penjelasan.

"Kita sudah mulakan di Perak, kita juga menghargai jasa kakitangan kerajaan di peringkat daerah, bukan hanya memberi keutamaan kepada kakitangan di peringkat negeri.

"Ini dilihat apabila Sultan Perak, Sultan Azlan Shah sendiri berkenan menyampaikan pingat Darjah Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Datuk kepada dua pegawai daerah di Perak, baru-baru ini," katanya.

Tajol berkata, beliau sendiri sudah melawat setiap daerah tetapi merancang terus berbuat demikian kerana ia dianggap cara terbaik mendekati rakyat.

Di KANGAR, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pendekatan mendampingi golongan penentang kerajaan akan dijadikan satu daripada agenda penting setiap pemimpin kerajaan dan parti di Perlis.

Katanya, beliau sendiri sebagai ketua kerajaan akan turun padang bagi memastikan matlamat memberi penjelasan kepada mereka berhubung pelbagai perkara, menjadi kenyataan.

Di JOHOR BAHRU, Exco Pemuda Umno, Dr Adham Baba berkata, golongan penentang sebenarnya tidak faham dengan perjuangan parti terutama di kalangan generasi muda yang hidup selesa hasil perjuangan Umno.

Justeru, katanya, golongan itu perlu ditarbiyah supaya mereka benar-benar faham terhadap perjuangan Umno yang selama ini memberi sumbangan besar terhadap kehidupan selesa mereka.

Ketua Pemuda Umno Tebrau, Mohamad Dolmat berkata, suntikan semangat yang diberi Presiden parti itu perlu digerakkan segera oleh ahli Umno.

"Saya percaya jika kita dapat melakukannya dengan betul kita berupaya mendapat sokongan padu orang Melayu menjelang pilihan raya umum akan datang," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Setiausaha Umno Perhubungan Negeri, Datuk Ismail Said berkata beberapa siri perjumpaan diadakan seperti di pusat pengajian tinggi serta golongan muda.

"Kita merancang untuk mengadakan perjumpaan mesra dengan kakitangan Kerajaan Pusat supaya mereka tidak menganggap pemimpin Umno terus menyisihkan atau menjadi musuh mereka. Golongan berpendidikan tinggi dan berpengalaman dalam pentadbiran amat memahami kedudukan politik negara," katanya.

Di KUANTAN, Ketua Umno bahagian Lipis, Datuk Omar Othman berkata, pihaknya mempunyai strategi tertentu untuk menarik semula golongan yang menentang kerajaan dalam pilihan raya umum lalu.

"Malah, kita sudah ada program seumpama itu yang dilaksanakan selepas pilihan raya umum. Ini termasuklah mengadakan majlis penjelasan dan perbincangan dari hati ke hati," katanya yang juga Ahli Exco Negeri.

Di MARAN, Ahli Dewan Undangan Muadzam Shah, Maznah Mazlan berkata, usaha mendekati golongan penentang kerajaan dan Umno dijalankan menerusi program gerak mesra.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita negeri berkata, tidak dinafikan ada beberapa kelemahan ketika melaksanakan program itu menyebabkan hanya sebilangan kecil pihak berkenaan yang dapat dipengaruhi.

Di BUTTERWORTH, Pergerakan Wanita Umno Pulau Pinang sedang mengatur program khas untuk memantau dan menguji keikhlasan golongan penentang kerajaan yang kini semakin sedar serta mulai mendekati Umno semula.

Ketuanya, Sharifah Aminah Syed Mohamad, berkata hasil pemantauan yang dijalankan menerusi penganjuran pelbagai kegiatan politik harian itu akan memberi panduan kepada Umno mengenai kesetiaan mereka terhadap parti.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Nibong Tebal, Datuk Abdul Rashid Abdullah pula menganggap ketika ini lebih ramai penentang kerajaan yang mengakui kesilapan yang dilakukan sebelum ini.

"Sebahagian besar golongan itu kini semakin sedar bahawa mereka terpengaruh dengan dakwah pembangkang yang menyebarkan maklumat negatif mengenai pemimpin dan kerajaan Barisan Nasional," katanya.

Exco Kerajaan Negeri, Datuk Azhar Ibrahim berhasrat untuk memperbanyakkan program sosial dan keagamaan bagi mendampingi golongan yang sebelum ini menyimpang daripada perjuangan Umno.

"Selain golongan belia sebagai sasaran utama, golongan tua juga perlu diberi perhatian bagi memastikan matlamat parti untuk menarik mereka supaya menyertai semula Umno berjaya," katanya.

(END)